



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 18 JUN 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	DUA 'RIDER' WANITA MAUT REMPUH LORI TRELER	
	https://www.sinarharian.com.my/article/264022/berita/semasa/dua-rider-wanita-maut-rempuh-lori-treler	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-penunggang-wanita-maut-motosikal-terbabas-rempuh-lori-424399	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978810/2-wanita-maut-motosikal-terbabas-rempuh-treler	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/17/rider-wanita-maut-terperosok-bawah-lori-treler/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1115755/dua-wanita-maut-motosikal-rempuh-treler	BHARIAN.COM.MY
	https://majoriti.com.my/berita/2023/06/17/video-wanita-temui-ajal-bawah-treler-lepas-motosikal-dinaiki-kecundang-di-selekoh	MAJORITI.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	QARI OKU PENGLIHATAN JOHAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/17/qari-oku-penglihatan-johan-tilawah-al-quran-peringkat-kebangsaan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ol8rj5-v2iA	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/qari-oku-penglihatan-dari-kelantan-johan-tilawah-al-quran-kebangsaan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1115649/dengar-kan-bacaan-qari-oku-pertama-johan-tilawah-al-quran-peringkat	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KPM PERKASA UNIT KAUNSELING, BANTU PELAJAR PILIH HALA TUJU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/263906/berita/nasional/kpm-perkasa-unit-kaunseling-bantu-pelajar-pilih-hala-tuju	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/17/kpm-perkasa-unit-kaunseling-bantu-pelajar-tetapkan-hala-tuju/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	WANITA OKU TERENCAT AKAL MENGAMUK, ROSAKKAN PATUNG PREMIS PAKAIAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978779/wanita-oku-terencat-akal-mengamuk-rosakkan-patung-premis-pakaian	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=kpORuzggsi8	YOUTUBE
	https://majoriti.com.my/berita/2023/06/17/video-dituduh-mencuri-wanita-mengamuk-gaduh-dengan-patung-di-mall-bayan-lepas	MAJORITI.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/06/17/wanita-mengamuk-rosakkan-patung-premis-pakaian-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	JANGAN 'SESATKAN' FIKIRAN RAKYAT, TIMBALAN MENTERI BIDAS AHLI PARLIMEN PAS	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/17/jangan-sesatkan-fikiran-rakyat-timbalan-menteri-bidas-ahli-parlimen-pas/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=QOYszmsddQM	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KPM SASAR TINGKAT ENROLMEN MURID PRASEKOLAH	
	https://suarasarawak.my/kpm-sasar-tingkat-enrolmen-murid-prasekolah/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PEMBERIAN INDIKATOR "K" BERSYARAT	
	https://sarawakvoice.com/pemberian-indikator-k-bersyarat/	SARAWAKVOICE.COM



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PULAU PINANG TINGKATKAN PENDAYAUPAYAAN GOLONGAN GELANDANGAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pulau-pinang-tingkatkan-pendayaupayaan-golongan-gelandangan-424246	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	KAK ETON KESAL KEUPAYAAN DIRI DIPERTIKAI	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/06/1115558/kak-eton-kesal-keupayaan-diri-dipertikai	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	BOMBA SELAMATKAN WANITA TERPERANGKAP	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978602/bomba-selamatkan-wanita-terperangkap	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WANITA PERLU BERANI MENCUBA	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/06/wanita-perlu-berani-mencuba/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	POLIS KEDAH BIMBANG RAMAI WANITA ISLAM JADI EJEN JUDI DALAM TALIAN	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/polis-kedah-bimbang-ramai-wanita-islam-jadi-ejen-judi-dalam-talian/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WANITA DIPERCAYAI MANGSA DERA DITEMUKAN MAUT, MASIH MEMELUK BAYI	
	https://www.hmetro.com.my/global/asia/2023/06/978519/wanita-dipercayai-mangsa-dera-ditemukan-maut-masih-memeluk-bayi	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	'SIAPA IBU BAPA KANDUNG SAYA?'	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/978580/siapa-ibu-bapa-kandung-saya	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	TUBUH SEPERTI KANAK-KANAK TAK HALANG GADIS 16 TAHUN KE SEKOLAH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/263883/edisi/kelantan/tubuh-seperti-kanak-kanak-tak-halang-gadis-16-tahun-ke-sekolah	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	VIRAL KANAK-KANAK DIDERA: IBU, TEMAN LELAKI DIDAKWA	
	https://wartaoriental.com/2023/06/17/viral-kanak-kanak-didera-ibu-teman-lelaki-didakwa/	WARTAORIENTAL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BUDAK BAWAH DUA TAHUN BERISIKO SAWAN JIKA MAKAN UBAT BATUK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/17/budak-bawah-dua-tahun-berisiko-sawan-jika-makan-ubat-batuk/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	TONG GAS OKSIGEN MELETUP: DUA BERANAK DITIDURKAN, STABIL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/263909/berita/semasa/tong-gas-oksigen-meletup-dua-beranak-ditidurkan-stabil	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	HASRAT BUDAK PESAKIT KANSER NAIK HARLEY DAVIDSON TERCAPAI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978589/hasrat-budak-pesakit-kanser-naik-harley-davidson-tercapai	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	DOA, KASIH SAYANG IBU PENGUAT SEMANGAT	
	https://www.utusan.com.my/seri/2023/06/doa-kasih-sayang-ibu-penguat-semangat/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	AL- QURAN WAKAF SAIZ BESAR MUDAHKAN WARGA EMAS NGAJI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/263902/edisi/kelantan/al-quran-wakaf-saiz-besar-mudahkan-warga-emas-ngaji	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	500 PENEROKA BERPUTIH MATA, 1,719 HEKTAR TANAH DIRAMPAS TANPA NOTIS	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/500-peneroka-berputih-mata-1719-hektar-tanah-dirampas-tanpa-notis/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
23	SUSPEK KES PENUNGGANG DUCATI MAUT SERAH DIRI	
	https://malaysiagazette.com/2023/06/17/suspek-kes-penunggang-ducati-maut-serah-diri/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
24	DEMI IBU, ADIK NUR IMMAN SANGGUP TAK MAKAN	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/978667/demi-ibu-adik-nur-imman-sanggup-tak-makan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	WARGA ASING DITAHAN ROGOL WANITA TEMPATAN DI GENTING HIGHLANDS #MGFLASH	
	https://www.youtube.com/watch?v=-EVOauxEUEg	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
26	NASIHAT ISTIMEWA BUAT SEMUA WANITA DI LUAR SANA, USAH BERSEDIH JIKA RASA PENAT DENGAN DUNIA UAH	
	https://www.youtube.com/watch?v=RglVEUhVw1s	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
27	BUNUH TEMAN WANITA, WARGA ASING MENGAKU SALAH	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/17/bunuh-teman-wanita-warga-asing-mengaku-salah/	FREEMALYSIATODAY.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
28	WANITA WARGA EMAS MAUT, SUV TERBABAS MASUK GAUNG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/263939/berita/semasa/wanita-warga-emas-maut-suv-terbabas-masuk-gaung	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
29	JAHEAIK SIASAT WANITA DEDAH AURAT BUAT AKSI CATWALK	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/jaheaik-siasat-wanita-dedah-aurat-buat-aksi-catwalk/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	IBU BAPA PERLU JAGA EMOSI ANAK DARIPADA CEDERA, ELAK MASALAH MENTAL - PAKAR PSIKOLOGI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1115578/ibu-bapa-perlu-jaga-emosi-anak-daripada-cedera-elak-masalah-mental	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
31	SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGELUAR SUSU FORMULA KANAK-KANAK	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/sesi-libat-urus-bersama-pengeluar-susu-formula-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
32	SUAMI ISTERI MAUT, 2 ANAK PARAH NAHAS DI LPT2	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/978788/suami-isteri-maut-2-anak-parah-nahas-di-lpt2	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm


18/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
33	KERETA MASUK GAUNG, WARGA EMAS MAUT	
	https://malaysiagazette.com/2023/06/17/kereta-masuk-gaung-warga-emas-maut/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
34	17 JUN 2023 - BERITA TGH HARI-KAD KESIHATAN WARGA EMAS-RM20 JUTA JAYAKAN PROGRAM	
	https://www.youtube.com/watch?v=pByr_yUUCU	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
35	17 JUN 2023 - BERITA TGH HARI-SAMUN, ROMPAK WARGA EMAS-GENG BABY DIBERKAS	
	https://www.youtube.com/watch?v=XyzfeHtvcZk	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
36	IBU OKU SEBAK TERIMA DIPLOMA WAKILI ARWAH ANAK	
	https://malaysiagazette.com/2023/06/17/ibu-oku-sebak-terima-diploma-wakili-arwah-anak/	MALAYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : ANAK MAUT, IBU PARAH DALAM PERJALANAN DAFTAR UNIVERSITI

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Kereta remuk teruk selepas merempuh treler yang menyebabkan remaja maut dan ibunya parah, dalam kejadian di KM301.5 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah selatan, dekat Gopeng, awal pagi semalam.

(Foto ihsan polis daerah Kampar)

Anak maut, ibu parah dalam perjalanan daftar universiti

Kampar: Perjalanan lima beranak untuk menghantar dua daripada mereka mendaftar ke universiti berakhir tragedi apabila seorang daripada mereka maut, manakala seorang lagi parah selepas kereta dinaiki terbabit kemalangan dengan sebuah treler di Kilometer 301.5, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah selatan, dekat Gopeng, pagi semalam.

Mangsa, Muhammad Zweill Haikal Ghazali, 18, meninggal dunia akibat parah pada kepala, manakala ibunya, Asnoni Othman, 49, berasal dari Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang, parah.

Nahas kira-kira jam 7 pagi itu turut menyebabkan tiga lagi anak lelaki Asnoni, iaitu yang berusia 24, 20 dan 10 tahun yang menaiki kereta sama, cedera termasuk dua daripadanya cedera ringan.

Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendan Mohamad Nazri Daud, berkata mangsa dalam perjalanan untuk mendaftarkan Muhammad Zweill dan abangnya yang berusia 20 tahun ke Universiti Malaya (UM) kampus Cyberjaya, Selangor.

Katanya, siasatan awal mendapati kereta dinaiki lima beranak itu dari arah Ipoh menghala Kuala Lumpur.

“Setiba di tempat kejadian, kereta dipandu lelaki berusia 24 tahun dipercayai gagal mengawal kenderaannya lalu melanggar bahagian belakang sebelah kanan treler yang dipandu seorang lelaki berumur 50 tahun yang sedang bergerak di lorong kiri jalan.

“Susulan nahas itu, Muhammad Zweill disahkan maut di tempat kejadian, manakala semua mangsa lain yang cedera termasuk pemandu kereta yang ketika ini tidak sedarkan diri berikutan pendarahan di perut, dihantar ke Hospital Tapah untuk rawatan lanjut,” katanya.



TAJUK : ANAK PERLU CUKUP BELAIAN EMOSI

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Peningkatan kesihatan mental

Anak perlu cukup belaian emosi

Ibu bapa patut peka cabaran berbeza dihadapi antara remaja, kanak-kanak

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ibu bapa tidak boleh hanya menyempurnakan keperluan fizikal anak mereka dengan wang ringgit atau gajet, sebaliknya perlu memastikan mereka mendapat belaian emosi dan kasih sayang secukupnya.

Pakar Psikologi, Prof Datin Dr Mariani Md Nor, berkata kitaran persekitaran boleh menyumbang terjejasnya kesihatan mental kanak-kanak dan remaja, namun perlu ada perlindungan daripada ibu bapa.

"Hak mereka perlu dijaga dengan tidak membiarkan anak itu tanpa belaian emosi dan kasih

sayang kerana pergi (kerja) pagi dan balik malam.

"Ibu bapa bukan setakat bagi cukup makan, minum dan pakaian buat anak, namun keperluan asas kedua iaitu kasih sayang, pengiktirafan dan keselamatan mereka juga penting," katanya kepada *BH*, di sini.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa bahawa kes kesihatan mental dalam kalangan penduduk berusia 16 tahun ke atas merekodkan peningkatan hampir tiga kali ganda.

Dr Zaliha dilaporkan berkata, peningkatan daripada 11 peratus pada 1996 kepada 29 peratus pada 2015 itu, menunjukkan masalah kesihatan mental bagi penduduk berusia 16 tahun ke atas semakin melarat.

Selain itu, 12 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 15 tahun didapati mengalami masa-

lah kesihatan mental pada 2015.

Pada masa sama, Dr Mariani berkata, kanak-kanak dan remaja berdepan cabaran berbeza yang boleh menyebabkan mereka berdepan tekanan antaranya aspek akademik, desakan daripada ibu bapa yang mahu terbaik dalam pendidikan.

Cara berbeza

Beliau berkata, ibu bapa perlu mengetahui setiap anak mempunyai tahap perkembangan, kebijaksanaan dan kecerdasan berbeza dengan saudara kandung lain.

"Jika anak dipaksa untuk dapat pencapaian tertentu yang tidak dapat diikuti mereka, pastinya emosi akan tercalar dan rasa dibandingkan dengan adik beradik yang lain.

"Ibu bapa perlu pahat dalam minda tidak semua anak ada kecerdasan tinggi dan perlu fikir apa kekuatannya, mungkin bukan pada akademik tetapi pada vokasional," katanya.



Mariani Md Nor



Sering melakukan aktiviti bermanfaat mampu mengeratkan kasih sayang dengan anak-anak
(Foto hiasan)



TAJUK : KPM SASR TINGKATKAN ENROLMEN MURID PRASEKOLAH

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KPM sasar tingkatan enrolmen murid prasekolah

Langkah awal tangani keciciran pada peringkat sekolah rendah, menengah

Alor Setar: Kementerian Pendidikan (KPM) menyasarkan untuk meningkatkan enrolmen murid di prasekolah kepada 90 peratus berbanding 80 peratus ketika ini sebagai langkah awal mengekang keciciran pada peringkat sekolah rendah dan menengah.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata bagi mencapai sasaran itu KPM akan membuka lebih banyak prasekolah selain melancarkan kempen advokasi kepada ibu bapa untuk menggalakkan mereka menghantar anak-anak ke prasekolah bagi mendapatkan pendidikan awal.

"Enrolmen prasekolah (ketika ini) adalah sekitar 80 peratus, sekolah menengah lebih kurang 78 peratus jadi agak rendah berbanding sekolah rendah yang kita wajibkan itu iaitu pada ka-

dar 98 peratus.

"Jadi kita ada dua segmen pelajar yang perlu kita beri tumpuan enrolmennya iaitu prasekolah dan juga sekolah menengah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Sesi Motivasi bersama Cikgu Menteri di sini, malam kelmarin.

Ibu bapa tak mampu

Beliau berkata, antara faktor kadar enrolmen prasekolah rendah adalah disebabkan kemiskinan iaitu ibu bapa tidak mampu menghantar anak mereka ke prasekolah, selain kekurangan kelas prasekolah yang sedang ditangani di peringkat kementerian.

Ditanya sama ada KPM berhasrat mewajibkan pendidikan prasekolah seperti sekolah rendah, Fadhlina berkata, pihaknya akan menyelesaikan dahulu isu berkaitan prasekolah sebelum meneliti perkara itu.

Mengulas mengenai keciciran pada peringkat sekolah menengah, beliau berkata, Rang Undang-Undang (RUU) mewajibkan pendidikan di peringkat sekolah menengah yang akan dibentangkan di Parlimen dijangka dapat memastikan pelajar kekal bersekolah sehingga tamat tingkatan lima.

"Sekolah menengah ini drop



Kadar enrolmen murid prasekolah akan ditingkatkan kepada 90 peratus berbanding 80 peratus ketika ini.

(Foto hiasan)

out (tercicir), orang tak sambung belajar ini disebabkan oleh macam-macam, kemiskinan, bekerja, kahwin, hamil dan memang mahu berhenti atau terabit dengan pelbagai isu sosial.

"Jadi untuk kekang isu ini kita perlu juga ada dasar pendidikan wajib untuk sekolah menengah supaya mereka boleh kekal di sekolah sehingga Tingkatan Lima," katanya. BERNAMA



TAJUK : QARI PERTAMA OKU CIPTA SEJARAH

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 09

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan

Qari pertama OKU cipta sejarah

Muhammad Qayyim akan terus berlatih sebagai persediaan ke peringkat antarabangsa

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: "Saya hanya menyasarkan untuk menduduki tempat ketiga pada tilawah kali ini kerana berasakan bacaannya tidak sehabat qari yang lain," kata Muhammad Qayyim Nizar Sarimi.

Muhammad Qayyim, 25, yang juga orang kurang upaya (OKU) penglihatan berasal dari Kelantan muncul qari pertama OKU bergelar juara sepanjang sejarah pertandingan yang berlangsung sejak 1947.

Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Tahfiz membaca al-Quran dalam versi tulisan braille berkata, mengakui persaingan sengit yang diberikan semua peserta dan tidak menyangka nama mereka diumumkan sebagai pemenang.

"Banyak qari yang hebat dalam pertandingan kali ini hingga sukar nak tentukan siapa pemenang tetapi siapa sangka rezeki

saya untuk bergelar juara.

"Untuk persediaan ke peringkat antarabangsa, saya akan membuat latihan yang lebih baik," kata anak sulung daripada enam beradik itu selepas Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah program berkenaan di Pusat Konvensyen, Kebudayaan dan Kesenian Antarabangsa (PICCA), Arena Butterworth, di sini, malam kelmarin.

Johan qariah, Nor Hidayah Abdul Rahman, 32, yang berkhidmat sebagai penolong pegawai tadbir dari Terengganu berkata, dia tidak menyangka muncul juara qariah buat kali pertama selepas tujuh tahun berturut-turut menyertai pertandingan itu.

"Saya sudah mewakili Terengganu tujuh kali dan ini kali pertama saya diumumkan sebagai juara yang ia hadiah amat bermakna buat saya.

"Tambah pula, peserta kali ini bukan biasa-biasa kerana pemarkahan yang diperolehi sangat sengit, tetapi rezeki berpihak kepada saya," katanya yang memiliki dua anak lelaki berusia satu dan empat tahun.

Wang tunai RM20,000

Dengan kemenangan itu, Muhammad Qayyim dan Nor Hidayah layak membawa pulang masing-masing hadiah wang tunai RM20,000, selain piala iringan dan tambahan wang tunai RM10,000 bagi menunaikan haji.

Naib johan pula dimenangi Aiman Ridhwan Mohamad Ramlan



Muhammad Qayyim (dua dari kiri), Nor Hidayah (dua dari kanan), Ahmad Ikmal dan Dian Karisma bersama piala iringan pada majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2023 di Butterworth, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

(Johan Menunggu) dan qariah dari Selangor, Nor Ruzana Natiah Jafar; manakala tempat ketiga dimenangi qari dari Negeri Sembilan, Mohamad Husaini dan qariah dari Johor, Nurul Nadiyah Hashim.

Bagi kategori hafazan, peserta Johor, Ahmad Ikmal Mohd Ridhuan diumumkan johan hafiz bagi kategori 1 hingga 30 juzuk beserta tafsir, manakala peserta Sabah, Dian Karisma Mohd Japar dinobatkan johan hafizah.

Mereka masing-masing membawa pulang wang tunai RM20,000, selain tambahan wang

tunai RM10,000 untuk menunaikan haji dan piala iringan.

Untuk kategori 1 hingga 20 juzuk, hafiz dari Terengganu, Muhammad Fakhurazi Yahaya dan hafizah dari Melaka, Dina Hafidina Mohd Umarul Hisyam dinobatkan johan.

Kategori 1 hingga 10 juzuk beserta taranum pula diungguli hafiz dari Wilayah Persekutuan, Muhammad Fahmi Shari dan hafizah dari Melaka, Siti Nabilah Zamri.

Terdahulu Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak menyampaikan

hadiah kepada pemenang yang turut menyaksikan Negeri Sembilan muncul juara keseluruhan.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

MTHQK berlangsung enam hari di PICCA, Arena Butterworth, di sini, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 11 Jun lalu dengan penyeretaan 108 peserta tilawah dan hafazan mewakili 14 negeri.



TAJUK : SUSPEK BAWA MOTOSIKAL LAWAN ARUS SERAH DIRI

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Penunggang Ducati maut jatuh jejambat SUKE

Suspek bawa motosikal lawan arus serah diri



Peniaga makanan dakwa sesat ketika mahu balik rumah

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penunggang motosikal yang dipercayai menjadi punca kemalangan maut seorang penunggang motosikal berkuasa tinggi di Kilometer 22.2 Lebuhraya Sungai Besi Ulu Kelang (Suke) su-

sur keluar Ulu Kelang di sini, Rabu lalu, menyerahkan diri kepada polis, kelmarin.

Lelaki warga tempatan berusia 41 tahun dari Kajang, Selangor itu tampil membantu siasatan polis dengan membuat satu laporan polis berkaitan kemalangan itu di Balai Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata melalui keterangan, suspek memaklumkan pada hari kejadian dia tersesat ketika dalam perjalanan dari Ampang pulang ke rumahnya di Kajang.

Berikutan itu, katanya, suspek

yang juga seorang peniaga makanan itu membuat keputusan memasuki jejambat Lebuhraya SUKE secara melawan arus sehingga menyebabkan berlaku kemalangan.

"Akibat pergeseran dengan motosikal mangsa, suspek juga terjatuh daripada motosikalnya.

"Selepas kemalangan, suspek terus pulang ke rumah dan hanya mengetahui mengenai insiden menimpa mangsa setelah menonton berita di televisyen dan hebahan di media sosial," katanya semalam.

Mohd Azam berkata, akibat kemalangan itu, suspek turut mengalami pelbagai kecederaan antaranya patah bahu kanan, patah jari

kelingking, selain luka pada bahu kiri dan kaki kanan.

"Polis turut merampas motosikal milik suspek dan beberapa barang kes lain untuk siasatan.

"Buat masa ini suspek tidak ditahan kerana keadaan kecederaan yang dialaminya agak parah," katanya.

Dalam kejadian jam 1.05 tengah hari itu, mangsa, Ahmad Fadzil Omar Azzadin, 62, dari arah Ampang dalam perjalanan memasuki susur keluar Lebuhraya Lingkar Tengah 2 (MRR2) Ulu Kelang.

Tuntut penjelasan


Sementara itu, anak kepada lelaki yang maut dalam nahas di SUKE,

mahu penunggang motosikal yang menjadi punca kemalangan itu tampil memohon maaf kepada ibunya.

Muhammad Hafidz Ahmad Fadzil, 36, kecewa kerana penunggang motosikal itu melarikan diri tanpa membantu bapanya.

Beliau turut menuntut penjelasan daripada penunggang motosikal terbabit tidak menghubungi ambulans, sebaliknya terus meninggalkan tempat kejadian.

"Semua orang lakukan kesilapan, tetapi sekurang-kurangnya bertanggungjawab dan memohon maaf kepada kami, terutama ibu saya," katanya memetik laporan portal FMT, semalam.



TAJUK : TIGA BERANAK MELECUR KERETA MELETUP MASIH DIRAWAT

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tiga beranak melecur kereta meletup masih dirawat

Alor Setar: Tiga beranak yang melecur selepas Proton Wira yang dinaiki mereka meletup dan terbakar di hadapan sebuah premis di Taman Industri Ringan Sri Mergong, Lorong Perak 22, Selasa lalu, masih dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir, berkata setakat ini dua mangsa, Tuah Omar, 54, yang melecur 70 peratus dan anaknya, Muhammad Firdaus Syawal Abdullah, 5, yang melecur 60 peratus dalam keadaan stabil dan sedang ditidurkan.

Beliau berkata, Tuah dan isterinya yang juga ibu kanak-kanak itu, Noor Azlina Abu Bakar, 34, yang melecur 30 peratus dirawat di Unit Kebakaran HSB.

“Anak pasangan itu, Muhammad Firdaus Syawal pula dirawat di Wad Rawatan Rapi Pediatrik HSB,” katanya semalam.

Media sebelum ini melaporkan, tiga beranak melecur selepas Proton Wira yang dinaiki mereka meletup di hadapan sebuah premis Taman Industri Ringan Mergong, Selasa lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.30 tengah hari itu, tiga beranak terbabit datang ke premis itu untuk mengisi dua tong gas oksigen untuk kegunaan bantuan pernafasan bagi kegunaan sendiri.

Bagaimanapun, tong gas terbabit dipercayai meletup ketika mangsa baru meletakkannya dalam kereta berkenaan menyebabkan ketiga-tiga mangsa cedera akibat melecur.



Proton Wira yang meletup dan terbakar di Taman Industri Ringan Sri Mergong, Lorong Perak 22, Selasa lalu.

(Foto ihsan Bomba)



TAJUK : 'REZEKI ALLAH KEPADA SAYA'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

OKU BUTA JUARA TILAWAH AL-QURAN KEBANGSAAN

'REZEKI ALLAH KEPADA SAYA'

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

"Ramai qari yang hebat, tapi ini rezeki Allah berikan kepada saya," kata johan qari Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 1444H/2023M, Muhammad Qayyim Nizar Sarimi, 25 yang juga orang kurang upaya (OKU) penglihatan dari Kelantan.

Menurut penuntut Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (Kias) itu, dia hanya menyasarkan tempat ketiga dalam pertandingan itu kerana merasakan bacaannya tidak sehebat qari lain.

"Ramai qari yang hebat dalam pertandingan kali ini hingga sukar nak tentukan siapa pemenang. Saya pula hanya menyasarkan tempat ketiga, tetapi siapa sangka rezeki saya untuk bergelar johan," katanya yang membaca al-Quran versi tulisan braille.

Katanya, dia menyertai pertandingan tilawah al-Quran sejak berusia sembilan tahun namun mengakui banyak yang perlu dipelajari.

"Untuk persediaan ke peringkat antarabangsa, saya akan membuat latihan yang lebih baik," kata anak sulung



MUHAMMAD Qayyim Nizar (dua dari kiri) dan Nor Hidayah (dua dari kanan) diapit johan lelaki dan wanita kategori hafazan kategori 1 hingga 30 juzuk, Ahmad Ikmal Mohd Ridhuan dari Johor dan Dian Karisma Mohd Japar dari Sabah. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

dari enam beradik itu selepas majlis penutup dan penyampaian hadiah program berkenaan di Pusat Konvensyen, Kebudayaan dan Kesenian Antarabangsa (Picca)@Butterworth Arena di sini, malam kelmarin.

Majlis penutupan itu disempurnakan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Sementara itu, Penolong Pegawai Tadbir di Yayasan Islam Terengganu, Nor Hidayah Abd Rahman, 32, bersyukur muncul johan qariah buat kali pertama selepas tujuh tahun berturut-turut menyertai pertandingan itu.

"Saya sudah mewakili Terengganu sebanyak tujuh kali dan ini kali pertama saya diumumkan sebagai

juara. Ia hadiah amat bermakna buat saya.

"Tambah pula, peserta kali ini bukan biasa-biasa kerana pemarkahan diperolehi sangat sengit, tetapi rezeki berpihak kepada saya," kata ibu dua anak itu.

Johan qari dan qariah membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, selain piala iringan dan tambahan wang tunai RM10,000 bagi menunaikan haji serta mewakili Malaysia di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada 20 hingga 26 Ogos depan.

Naib johan qari dimenangi Aiman Ridhwan Mohamad Ramlan manakala naib johan qariah dimenangi oleh Nor Ruzana Natiah Jafar, masing-masing dari Selangor.

Manakala tempat ketiga dimenangi qari dari Negeri Sembilan, Mohamad Husaini dan qariah dari Johor, Nurul Nadiah Hashim.



SAIMI Yusoff, 58, (kanan) mencium pipi anaknya, Muhammad Qayyim Nizar selepas dinobatkan johan qari tilawah di Pusat Konvensyen Picca@Butterworth Arena.



TAJUK : ALHAMDULILIAH SAYA ADA EMAK

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

JUMPA IBU KANDUNG SELEPAS 48 TAHUN

ALHAMDULILLAH, SAYA ADA EMAK

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Seri Kembangan

Selepas 48 tahun terpisah, Mohd Sopian Mohamed Sapihi kini mengecap nikmat kasih sayang ibu kandungnya, Fatimah Kuny Alive yang ditemui dalam pertemuan tidak dirancang pada 22 Mei lalu.

Kisah itu mendapat perhatian netizen selepas isterinya, Nor Faridah Badri, 46, memuat naik video sewaktu detik pertemuan itu di TikTok.

Berkongsi kisah sebenar, Mohd Sopian, 48, berkata, video itu dirakam dan dimuat naik pada hari pertemuan dengan ibunya yang kini berusia 72 tahun.

"Hari berkenaan, saya dan isteri bertolak ke Simpang Renggam kira-kira jam 7:30 pagi dari rumah dengan berpandukan maklumat diperolehi daripada sumber.

"Tak rancang apa pun kerana mulanya nak cuba cari saja namun ditakdirkan, saya jumpa dengan seseorang yang kebetulan kenal emak juga adik ipar (sebelah adik-beradik tiri).

"Adik ipar yang bawa saya ke rumah emak. Pada awalnya, emak tak kenal saya namun dia tergamam selepas saya tunjukkan kad pengenalan saya kepadanya.

"Rupanya, emak masih ingat cuma sebelum ini dia sangka saya tinggal dan jaga ayah di Singapura kerana ayah berasal dari sana," katanya ditemui di rumahnya dekat Pangsapuri Sri Indah,

di sini.

Berkongsi perihal dirinya, Mohd Sopian berkata, dia terpisah dengan ibunya sejak berusia lapan bulan.

Sejak itu, dia dibesarkan bapa, nenek dan ibu saudara di Simpang Chenderiang, Batu 3, Temoh, Perak.

"Saya anak tunggal dan menurut apa diceritakan, ayah bawa saya bertemu keluarganya di Perak dan membawa surat beranak saya bersama.

"Awalnya emak dapat menghubungi ayah...tetapi mereka terputus hubungan jadi sejak itu ayah dan keluarganya membesarkan saya.

"Nenek sangat manjakan saya manakala kesemua ibu saudara layan dengan baik hingga saya sudah ang-

gap mereka seperti emak kandung.

"Jadi, saya tak terfikir dan berasa pun kehilangan ibu waktu kecil dan di bangku sekolah memandangkan ayah pun masih ada ketika itu sebelum meninggal dunia 16 tahun lalu," katanya.



Adik ipar yang bawa saya ke rumah emak. Pada awalnya, emak tak kenal saya namun dia tergamam selepas saya tunjukkan kad pengenalan saya kepadanya"

Mohd Sopian
Mohamed Sapihi



MOHD Sopian bersama ibu kandungnya, Fatimah.

Menurut Mohd Sopian, individu sekeliling pernah memintanya mencari ibu kandungnya namun dia belum terbuka hati dulu kerana tiada petunjuk dan nampak kepentingannya.

"Dulu, memang ramai minta saya cari emak namun saya saja enggan kerana anggap tiada dosa atau kesalahan dengan emak jadi fikir tak guna mencarinya.

"Isteri pun ada minta saya cari emak namun tidak sampai mendesak. Lagipun, sebagai manusia saya ada ego saya dan logiknya siapa tak nak ibu?"


"Seperkara lagi, saya bimbang jadi sebaliknya apabila berjumpa cuma apabila meningkat usia, baru ada keinginan itu (mencari) dan ia semakin membuka apabila timbul rasa sedih terkenangkan emak setiap kali selepas solat Subuh.

"Jadi, itu yang menjadi titik permulaannya dan sebenarnya, arwah mak ngah (ibu saudara) yang tawarkan diri bantu dan beri petunjuk namun usaha mencari sebelum ini tertangguh disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Sehingga ke hari ini, Mohd Sopian masih tidak menyangka bertemu semula dengan ibunya.

"Sampai satu tahap, saya fikir emak sudah tiada namun dengan izin Allah saya ditakdirkan bertemu emak selepas hampir lima dekad.

"Alhamdulillah, emak sihat dan adik-beradik tiri terima saya dengan baik, malah daripada dulu lagi emak ada ceritakan perihal saya kepada mereka," katanya.



TAJUK : ANAK MANGSA BERHASRAT JUMPA SUSPEK

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Anak mangsa berhasrat jumpa suspek

Kuala Lumpur: Anak lelaki mangsa yang maut dalam nahas di Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) Rabu lalu, berhasrat mahu berjumpa penunggang motosikal yang menjadi punca kemalangan meragut nyawa bapanya.

Muhammad Hafidz Ahmad Fadzil, 36, berkata, dia mahu mendengar alasan individu terbabit yang menunggang motosikal secara melawan arus sehingga mengorbankan bapanya,

Ahmad Fadzil Omar Azza-din, 62.

Menurutnya, dia dimaklumkan oleh pihak polis berhubung tindakan penunggang motosikal itu yang menyerah diri pagi semalam.

“Saya dimaklumkan pegawai penyiasat kes bahawa individu itu mengalami kecederaan akibat kemalangan berkenaan. Polis memaklumkan supaya saya menengguhasrat bertemu lelaki terbabit me-

mandangkan kesihatan lelaki itu tidak mengizinkan.


“Namun, saya tetap mahu bertemu penunggang motosikal itu. Saya mahu mendengar dari mulut dia sendiri, kenapa dia menunggang melawan arus,” katanya, semalam.

Katanya, dia terkilan apabila lelaki terbabit mahupun ahli keluarga lelaki itu tidak tampil menjelaskan apa yang berlaku serta meminta maaf meskipun kejadian itu

heboh diperkatakan.

“Sebagai manusia biasa, saya memahami setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Disebabkan itu, saya mahu dengar alasan daripadanya supaya apa yang berlaku ini ada penamat.

“Sejujurnya, kami sekeluarga reda dengan apa berlaku dan boleh memaafkannya. Malah, saya juga yakin sekiranya bapa masih hidup, arwah pun pasti memaafkannya,” katanya.



TAJUK : FARREL RASA NAIK HARLEY

HARI : AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

TONE : POSITIF

AKHBAR : METRO AHAD

M/SURAT : 13

SEKTOR : KPWKM

FARREL RASA NAIK HARLEY

Impian pesakit kanser tulang tahap 4 naik motosikal berkuasa tinggi tercapai

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Impian kanak-kanak Muhammad Farrel, 12, yang menghidapi kanser tulang tahap empat untuk menaiki motosikal berkuasa tinggi Harley Davidson tercapai, semalam.

Bapanya, Mohammad Fetri Abu, 44, berkata, anaknya itu menyuarakan keinginannya untuk menaiki motosikal berkenaan sebulan yang lalu selepas menontonnya di YouTube.

"Dia beritahu kepada kami mahu naik motosikal Harley Davidson selepas menontonnya di YouTube. Alhamdulillah hari ini (semalam) kesihatannya baik dan

boleh menaiki motosikal itu.

"Selain itu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) juga banyak membantu dan cuba merealisasikan impian Muhammad Farrel," katanya selepas pelancaran program kemanusiaan *Humanity Charity Ride 2023* di sini, semalam.

Program ini juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kingz Motorcycle Group dan Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima).

Mohammad Fetri berkata, Muhammad Farrel mula dikesan menghidap kanser pada November tahun lalu selepas mengadu mengalami kesakitan selepas



MUHAMMAD Farrel diberi peluang menaiki motosikal Harley Davidson, semalam.
- Gambar NSTP/FATHIL ASRI

terlanggar rakan-rakannya di sekolah.

"Kami membawanya ke hospital dan doktor memberi ubat tahan sakit kepadanya. Selepas sebulan, kesakitan yang dihadapi masih tidak reda.

"Saya membawanya ke Hospital Tunku Azizah untuk melakukan X-ray bagi me-

eriksa sekiranya terdapat tulang yang patah. Doktor mengesahkan anak saya menghidap kanser tulang tahap empat selepas melihat terdapat ketumbuhan pada Muhammad Farrel," katanya.

Sementara itu, Pengasas KINGZ Motorcycle Group, Azulhairi Berkhanuddin berkata, beliau ingin merealisasikan impian Muhammad Farrel bagi menaiki Motorsikal Harley Davidson selepas melihat satu video yang tular di Tiktok.


"Kami mahu penuhi im-

piannya Muhammad Farrel bagi merasai pengalaman untuk meronda di sekitar ibu kota menaiki motosikal ini," katanya.

Azulhairi juga turut diiringi oleh 29 penunggang motosikal yang lain.

Ketua Aktivist PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, program itu untuk memberikan semangat kepada Muhammad Farrel.

"Saya harap usaha ini akan menarik perhatian orang ramai untuk turut mendoakan kesembuhan Muhammad Farrel," katanya.



TAJUK : KKM KECAM TINDAKAN DOKTOR TERBABIT

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SINDIKET JUAL BAYI

KKM KECAM TINDAKAN DOKTOR TERBABIT

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hme-
tro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengecam tindakan pihak terbabit dengan kegiatan sindiket jual bayi didalangi segelintir doktor klinik swasta dan pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa dalam reaksinya semalam berkata, pihaknya sedia untuk memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa bagi membantu siasatan mengenai isu itu.

"Isu ini sedang diteliti pihak KKM bagi mendapatkan laporan lebih terperinci bagi memastikan tindakan sewajarnya.

"Pihak KKM mengecam tindakan mereka yang terbabit jika terbukti bersalah dan sedia memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa untuk membantu siasatan," katanya kepada Metro Ahad, semalam.

Terdahulu, akhbar ini menerusi laporan muka de-



LAPORAN muka depan Harian Metro semalam.

pannya sejak 7 Jun lalu mendedahkan kegiatan sindiket jual bayi didalangi segelintir doktor klinik swasta dan pegawai JPN.

Kegiatan itu diambil tindakan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menahan empat doktor serta dua pegawai JPN pada 7 Jun lalu.

Seorang wanita juga turut dilapor tampil membuat pe-

ngakuan menjadi mangsa dan dijual ketika masih bayi di sebuah klinik swasta di Ampang, Selangor, lebih 30 tahun lalu.

Wanita terbabit yang hanya mahu dikenali sebagai Rozita, 31, berkata, pendedahan laporan muka depan Harian Metro berkaitan sindiket penjualan bayi sejak Rabu

lalu membuatkan dia tampil untuk berkongsi maklumat.

Menurutnya, dia percaya ramai lagi individu di luar sana yang menjadi mangsa sepertinya selain ada antaranya tidak menyedari diperdagangkan ketika masih bayi.


Sementara itu Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail turut memberitahu akan meneliti pendedahan itu.

Katanya, beliau perlu mendapatkan maklumat tepat daripada pihak berkaitan terlebih dahulu berhubung perkara itu.

"Saya perlu dapat maklumat tepat dari pihak berkaitan sebelum beri ulasan," katanya kepada Metro Ahad, semalam.

“Pihak KKM mengecam tindakan mereka yang terbabit jika terbukti bersalah”
Dr Zaliha





TAJUK : **LAWAN ARUS KERANA SESAT**

HARI : **AHAD**

AKHBAR : **METRO AHAD**

TARIKH : **18 JUN 2023**

M/SURAT : **19**

TONE : **NEUTRAL**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
[mhafis@mediapri-
ma.com.my](mailto:mhafis@mediapri-
ma.com.my)

Ampang Jaya

Penunggang motosikal yang melawan arus dan menyebabkan kematian seorang lelaki di Kilometer 22.2, Lebuhraya Sungai Besi Ulu Kelang (Suke) berhampiran Ulu Kelang, Rabu lalu menyerah diri dan dirakam percakapannya.

Lelaki warga tempatan berusia 41 tahun dari Kajang, Selangor tampil membantu siasatan dengan membuat laporan berkaitan kemalangan itu di Balai Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata, melalui keterangan, suspek memaklumkan pada hari kejadian dia tersesat ketika dalam perjalanan dari Ampang untuk pulang ke rumah di Kajang.

Berikutan itu, katanya suspek yang juga peniaga

LAWAN ARUS KERANA SESAT

*Penunggang sebab kematian lelaki serah diri
di balai polis, tidak ditahan kerana turut parah*

makanan membuat keputusan memasuki jejambat Lebuhraya SUKE secara melawan arus menyebabkan berlaku kemalangan.

"Akibat bergesel dengan motosikal mangsa, suspek turut terjatuh daripada motosikalnya.

"Selepas kemalangan, suspek terus pulang ke rumah dan hanya mengetahui mengenai insiden menimpa mangsa selepas menonton berita di televisyen dan hebahan di media sosial," katanya, semalam.

Menurut Mohd Azam, akibat kemalangan, suspek mengalami pelbagai kecederaan antaranya patah bahu kanan, patah jari kelengkeng selain luka pada bahu kiri dan kaki kanan.

"Sehubungan itu, polis

merampas motosikal Yamaha milik suspek serta beberapa barang kes lain.

"Buat masa ini suspek tidak ditahan kerana kecederaan dialaminya agak parah," katanya.

Tambah Mohd Azam, setakat ini polis merakam percakapan enam saksi termasuk suspek dan siasatan diteruskan.

Dalam pada itu, katanya kedua-dua motosikal iaitu milik mangsa dan suspek dihantar ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) dan Jabatan Kimia untuk pemeriksaan.


Dalam kejadian jam 1.05 tengah hari, mangsa, Ahmad Fadzil Omar Azzadin, 62, dari arah Ampang dalam perjalanan memasuki

susur keluar Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) Ulu Kelang.

Menerusi rakaman kamera litar tertutup (CC-TV) yang tular, mangsa menunggang Ducati Panigale di sebuah laluan berselekeh cuba mengelak motosikal ditunggang secara melawan arus itu.

Bagaimanapun, motosikal mangsa terbabas melanggar penghadang sebelah kiri jalan dan sebelum mangsa terhumban dari atas jejambat lebuhraya pada ketinggian 30 meter manakala motosikalnya terseret ke tengah jalan.

Mangsa yang parah, meninggal dunia di lokasi kejadian. Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



TAJUK : SASAR TINGKAT ENROLMEN MURID PRSEKOLAH

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sasar tingkat enrolmen murid prasekolah

Alor Setar: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyasarkan meningkatkan enrolmen murid di prasekolah kepada 90 peratus berbanding 80 peratus ketika ini sebagai langkah awal mengekang keciciran di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata, bagi mencapai sasaran itu KPM akan membuka lebih banyak prasekolah selain melakukan kempen advokasi kepada ibu bapa untuk menggalakkan menghantar anak-anak ke prasekolah bagi mendapatkan pendidikan awal.

“Enrolmen prasekolah (ketika ini) adalah sekitar 80 peratus, sekolah me-

nengah lebih kurang 78 peratus jadi agak rendah berbanding sekolah rendah yang kita wajibkan itu iaitu pada kadar 98 peratus.

“Jadi kita ada dua segmen pelajar yang perlu beri tumpuan enrolmennya iaitu prasekolah dan juga sekolah menengah,” katanya selepas program Sesi Motivasi bersama Cikgu Menteri di sini, malam kelmarin.

Beliau berkata, antara faktor kadar enrolmen prasekolah rendah adalah disebabkan kemiskinan iaitu ibu bapa tidak mampu menghantar anak ke prasekolah, selain kekurangan kelas prasekolah yang sedang ditangani di peringkat kementerian.



TAJUK : BOOSTING PRESCHOOL ENROLMENT

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

BOOSTING PRESCHOOL ENROLMENT

Education Ministry to open more preschools in order to reduce dropout rate

ALOR STAR

THE Education Ministry aims to boost preschool enrolment to 90 per cent from 80 per cent as a preliminary measure to prevent school dropouts.

Minister Fadhlina Sidek said to achieve the target, the ministry would open more preschools and run an advocacy campaign to encourage parents to send their children to preschools.

"Preschool enrolment is at 80 per cent, while secondary school enrolment is around 78

per cent, which is low compared with primary school enrolment, which is made compulsory, at 98 per cent.

"We have two segments of students whose enrolment we need to focus on, namely preschool and secondary school."

She said this after attending the Sesi Motivasi bersama Cikgu Menterl programme here on Friday.

Fadhlina also cited poverty as a contributing factor to the low preschool enrolment rate.


On whether the ministry intended to make preschool education compulsory, she said the ministry must first resolve preschool-related issues.

On secondary school dropouts, she said a bill to make secondary education compulsory for students that would be tabled in Parliament would ensure that students completed their schooling up to Form Five.

Bernama



The Education Ministry aims to increase preschool enrolment to 90 per cent from 80 per cent. FILE PIC



TAJUK : DISCOUNT CARD FOR VARSITY STUDENTS MULLED

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Discount card for varsity students mulled

SERI ISKANDAR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is mulling bringing back a discount card for students to deal with the rising cost of living.

Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the matter would be finalised after discussions with relevant ministries.

"We need to discuss with the Finance Ministry and Higher Education Ministry first, as this matter is not solely under my ministry.

"This idea can be highlighted as we are carrying out the Rahmah food programme for university students.

"We also have a food bank for them."

He said this before attending a town hall session with the community and students of Universiti Teknologi Mara Seri Iskandar Campus here yesterday.

He was commenting on whether the ministry would re-introduce a discount card like the iMalaysia undergraduates discount cards (KADS1M) introduced by then prime minister Datuk Seri Najib Razak in 2017.

KADS1M was a debit card preloaded with RM250 that students could use to buy books, computer accessories and learn-



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub visiting an exhibition booth at the Universiti Teknologi Mara Seri Iskandar campus in Perak yesterday. PIC BY L. MANIMARAN

ing equipment.


Students who had the card could receive discounts when buying at participating vendors. Students were given book vouchers prior to KADS1M.

At the town hall, Salahuddin pledged to do his best to help students and find measures to

tackle the increasing cost of living.

"As a responsible government, we will facilitate and find ways to help students.

"When the economy improves, the government will prioritise and introduce more aid to students."



TAJUK : **RUNNING TO THE FINISHING LINE TOGETHER**

HARI : **AHAD**

AKHBAR : **NEW SUNDAY TIMES**

TARIKH : **18 JUN 2023**

M/SURAT : **13**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**



Fadzly Gusidi (right) has been running with his daughter, Nur Qisya Arissa, since she was a preschooler. PIC COURTESY OF AYUSTITCH NEKALILA

FATHERS DAY

Running to the finishing line together

KOTA KINABALU: Fadzly Gusidi, 44, is often seen running with his 11-year-old daughter, Nur Qisya Arissa, fondly known as Echa, during runs.

He has been her training partner and pacer since she was a preschooler.

"Echa was only 4 years old when she started running with us on trails. She began to take up running seriously when aged 7.

"As her pacer during races, I ensure Echa enjoys the race and reaches the finishing line safely.

"I am happy to be able to run with her," said Fadzly, a footballer and runner.

Unlike most children her age, Echa prefers to spend her free

time, including weekends, running, especially in the forest.

She runs six days a week and also cycles and swims.

Echa has climbed Mount Kinabalu twice and Mount Wakid once.

This year, she has joined five runs, emerging the champion in the Youth Female category for the Borneo Ultra Trail Marathon in Kiulu, near here. She is preparing for seven more runs.

Echa's mother, healthcare worker Alizah Abdullah, 48, manages Echa's running career and has been a strong pillar of support.

"I have to ensure every event I register her in is appropriate for her age and does not clash with

her school programmes.


"I am also Echa's photographer, but other photographers take her pictures too."

She said she used to run with Echa when she was younger, but at a slower pace.

Asked how Echa endures hot weather and the possibility of getting hurt, Alizah said it was part and parcel of sports.

"Perhaps because my husband and I are used to extreme sports, we see the challenges as normal.

"Our hope as parents is for Echa to realise her dream as an athlete and bring glory to Malaysia without neglecting her responsibilities as a student and child."



TAJUK : SUKE CRASH SUSPECT SAYS HE GOT LOST

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 18 JUN 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

YET TO BE ARRESTED

SUKE CRASH SUSPECT SAYS HE GOT LOST

Victim's son wants food vendor to apologise to mum and explain why he failed to call for help

NOR AZIZAH MOKHTAR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE motorcyclist who rode against traffic flow and allegedly caused the death of a high-powered motorcycle rider lodged a police report yesterday.

Ampang Jaya district police

chief Superintendent Mohd Azam Ismail said the 41-year-old food vendor from Kajang, Selangor, gave his statement at the Kajang police station.

